



## PRESS RELEASE

S.A. 2023/06/23\_34 (HQ)

### GSPARX TNB UMUMKAN PAKEJ SOLAR ATAS BUMBUNG EKSKLUSIF UNTUK PELANGGAN KEDIAMAN

Memahami keperluan orang ramai melestarikan penggunaan tenaga, terutamanya dalam keadaan cuaca panas, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menawarkan pakej pemasangan solar mampu milik dan mudah akses melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd. Tawaran solar atas bumbung tanpa pendahuluan ini disediakan untuk pelanggan kediaman yang mahukan penjimatan jangka panjang bil elektrik mereka.

Pakej kepada 150 pelanggan terawal diperkenalkan dengan penjimatan sehingga RM 4,999 untuk pemasangan solar photovoltaic (PV) atas bumbung, bermula hari ini hingga 31 Julai 2023. Semua pakej baharu ini merangkumi penyelenggaraan percuma sistem solar untuk dua tahun dan insurans solar percuma selama setahun. Pemilik rumah yang ingin memaksimumkan penjimatan boleh mengambil tawaran terhad yang menarik ini sekali gus memperkasakan mereka untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih lestari.

"Tawaran pemasangan solar mampu milik ini termasuk dengan pakej khas pelanggan terawal yang membolehkan pengguna mencapai penjimatan kos yang ketara di samping menggalakkan amalan penggunaan tenaga lestari. Tambahan pula, ini menunjukkan komitmen yang kuat daripada TNB untuk memperkuat inisiatif Net Energy Metering (NEM) 3.0 Kerajaan," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din.

Bagi meningkatkan kemampuan pelanggan memiliki pakej solarnya, GSPARX telah bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menawarkan pelbagai pilihan pembiayaan yang fleksibel. Pilihan ini termasuk plan ansuran 36 bulan tanpa faedah melalui kad kredit atau pinjaman kewangan dengan tempoh pembayaran balik sehingga 10 tahun.

Melalui pilihan pembiayaan ini, GSPARX memudahkan pelanggan berubah menjadi prosumer untuk serentak menikmati manfaat ekonomi sambil mengawal penggunaan tenaga mereka sendiri. Dengan memainkan peranan sebagai prosumer, pelanggan dapat mengambil langkah proaktif untuk menangani kesan daripada sebarang kenaikan kos elektrik masing-masing.

Pendekatan berwawasan TNB dan tawaran inovatif GSPARX ini, membolehkan pelanggan memulakan hala tuju ke arah gaya hidup lestari, berhemat dan lebih hijau. Dengan memanfaatkan tenaga solar, pelanggan boleh menguruskan perbelanjaan elektrik mereka dengan berkesan sambil mengambil bahagian secara aktif dalam usaha global menangani perubahan iklim dan menggalakkan amalan lestari.

Untuk maklumat lanjut mengenai tawaran atas bumbung solar GSPARX dan pilihan pembiayaan, sila lawati <https://www.gsparx.com> atau <https://www.tnb.com.my/solar>.

**Released in Kuala Lumpur on 23 June 2023 at 6:00 pm**  
 Kindly forward all press enquiries to Hanim Idris at 019-2617617 /  
 Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
 or email us at [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din

### Pembiayaan Fleksibel untuk Tenaga Solar

Skim Pembiayaan	Modal Pendahuluan	Tanpa Pendahuluan	
	Tunai	Kad Kredit (Sifar Faedah)	Pinjaman Peribadi
Kitaran Pembayaran	Sekali Bayar	Bulanan sehingga 36 bulan	Bulanan sehingga 120 bulan
Tanggungjawab Hutang	✗	✓	✓
Jaminan Mutu Kerja	2 tahun	1 tahun	1 tahun
Jaminan Produk Inverter	Waranti Produk Lanjutan hingga 10 tahun		

Pembiayaan Fleksibel untuk Tenaga Solar: Pilih antara pelan ansuran 36 bulan tanpa faedah melalui kad kredit atau pinjaman kewangan dengan tempoh pembayaran balik sehingga 10 tahun. Kawal masa depan tenaga anda dengan penyelesaian pembayaran yang mudah akses dan fleksibel.